

## **Hubungan antara Motivasi Intrinsik dengan Kualiti Hafazan Al-Quran dalam kalangan Murid Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)**

*The Relationship Between Intrinsic Motivation and Quality of Quran Memorization Among Students of Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)*

**Nurul Nadiah bt. Nazri\*, Che Ku Nor Hidayah bt. Che Ku Mohamad & Abdul Jalal b. Abdul Manaf**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains dan Kemanusiaan, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding author: [nurulnadiyah.2025@gmail.com](mailto:nurulnadiyah.2025@gmail.com)

**Received:** 17 August 2025; **Revision:** 01 December 2025 **Accepted:** 08 December 2025; **Published:** 15 December 2025

**To cite this article (APA):** Nazri, N. N., Che Ku Mohamad, C. K. N. H., & Abdul Manaf, A. J. (2025). Hubungan antara Motivasi Intrinsik dengan Kualiti Hafazan Al-Quran dalam kalangan Murid Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture, 3(2), 96-111. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.2.9.2025>

### **Abstrak**

Proses menghafaz al-Quran memerlukan ketepatan dalam sebutan, kefasihan, dan pemahaman yang mendalam. Proses ini memerlukan dedikasi, disiplin, dan motivasi yang tinggi dalam kalangan murid di sekolah tahfiz. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara motivasi intrinsik dengan kualiti hafazan al-Quran dalam kalangan murid tahfiz di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Isu utama yang dikenal pasti ialah tahap motivasi intrinsik murid yang berbeza-beza dan kesannya terhadap prestasi hafazan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Seramai 97 responden yang dipilih secara rawak berkelompok. Data telah dikutip dengan menggunakan instrumen soal selidik. Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS secara deskriptif dan inferensi. Hasil kajian menunjukkan tahap motivasi intrinsik murid berada pada tahap tinggi (min = 4.65) dan tahap kualiti hafazan al-Quran juga tinggi (min = 3.72). Manakala hasil analisis korelasi menunjukkan hubungan yang signifikan dan kuat antara motivasi intrinsik dengan kualiti hafazan al-Quran ( $r = 0.537$ ,  $p < 0.01$ ). Implikasi kajian menunjukkan keperluan dalam mengekalkan dan penambahbaikan yang berterusan agar motivasi dalam eko sistem pengajaran dan pembelajaran tahfiz memberikan kesan yang positif untuk kualiti hafazan al-Quran murid.

**Kata kunci:** Motivasi, Intrinsik, Kualiti, Hafazan Al-Quran

## Abstract

The process of memorising the Qur'an requires precision in pronunciation, fluency, and deep comprehension. Such demands necessitate a high level of dedication, discipline, and intrinsic motivation among students in tahfiz schools. This study aims to examine the relationship between intrinsic motivation and the quality of Qur'anic memorisation among students at Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). The key issue identified concerns the varying levels of intrinsic motivation and its influence on memorisation performance. A quantitative survey design was employed, involving 97 respondents selected via cluster random sampling. Data were collected using a structured questionnaire and analysed descriptively and inferentially using SPSS. The findings indicate that students' intrinsic motivation is high ( $M = 4.65$ ), while the overall quality of Qur'anic memorisation is also high ( $M = 3.72$ ). Correlational analysis further reveals a strong, significant relationship between intrinsic motivation and memorisation quality ( $r = 0.537$ ,  $p < 0.01$ ). The implications of this study highlight the necessity for continuous reinforcement and enhancement of motivational elements within the tahfiz teaching and learning ecosystem. Sustaining students' intrinsic motivation, particularly by fostering sincerity, commitment, and emotional attachment to the Qur'an, is essential to ensuring positive, enduring effects on the quality of Qur'anic memorisation.

**Keywords:** Motivation, Intrinsic, Quality, Quran Memorization

## Pendahuluan

Al-Quran merupakan kitab suci dan pedoman utama bagi kehidupan umat Islam, meliputi akidah, ibadah, akhlak, perundangan dan sebagainya. Ketika Rasulullah SAW di Gua Hira', Allah SWT memerintahkan malaikat Jibril a.s untuk menyampaikan wahyu pertama melalui surah al-'Alaq. Menurut Abdul Hafiz, et.al (2005) keupayaan Rasulullah SAW dalam menghafaz al-Quran bukan kebijaksanaan baginda, tetapi ketekunan yang luar biasa dalam memastikan setiap ayat yang diterima dihafaz, diingat dengan sempurna dan disampaikan kepada para sahabat.

Bacaan Rasulullah SAW bukan sekadar hafazan, tetapi merangkumi kefahaman mendalam terhadap maksud ayat. Diriwayatkan oleh Said bin Jubair, Ibn 'Abbas r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW berhadapan dengan kesukaran ketika menerima wahyu, kerana baginda amat berhati-hati agar tidak melupakan setiap kalimah yang dibacakan malaikat Jibril a.s. Dalam hadith yang diriwayatkan al-Bukhari:

حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ، قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ، قَالَ حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ أَبِي عَائِشَةَ، قَالَ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ جُبَيْرٍ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، فِي قَوْلِهِ تَعَالَى {لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ} قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَالِجُ مِنَ التَّزْيِيلِ شِدَّةً، وَكَانَ مِمَّا يُحَرِّكُ شَفْتَيْهِ. فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ فَأَنَا أُحَرِّكُهُمَا لَكُمْ كَمَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحَرِّكُهُمَا. وَقَالَ سَعِيدٌ أَنَا أُحَرِّكُهُمَا كَمَا رَأَيْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ يُحَرِّكُهُمَا. فَحَرَّكَ شَفْتَيْهِ. فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى {لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ} \* إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ { قَالَ جَمْعُهُ لَهُ فِي صَدْرِكَ، وَتَقْرَأَهُ {فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ} قَالَ فَاسْتَمِعَ لَهُ وَأَنْصَتَ {ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ} ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا أَنْ تَقْرَأَهُ. فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ ذَلِكَ إِذَا أَتَاهُ جِبْرِيلُ اسْتَمَعَ، فَإِذَا انْطَلَقَ جِبْرِيلُ قَرَأَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمَا قَرَأَهُ.

**Terjemahan:** Daripada Ibn 'Abbas, Allah s.w.t telah berfirman {Jangan gerakkan lidahmu mengenai (al-Quran) untuk cepat-cepat dengannya}, Berkata: "Rasulullah SAW selalu menanggung wahyu dengan susah payah dan sering menggerakkan bibirnya (dengan cepat)

dengan inspirasi. “Ibn Abbas menggerakkan bibirnya dengan berkata: “Aku menggerakkan bibirku di hadapanmu sebagaimana Rasulullah SAW menggerakkannya. Dan Said menggerakkan bibir sambil berkata: “Saya menggerakkan bibir saya, ketika saya melihat Ibn Abbas menggerakkan bibirnya.” Ibn Abbas menambah: “Oleh itu, Allah menurunkan ayat {Jangan gerakkan lidahmu mengenai (al-Quran) untuk cepat-cepat dengannya. Adalah bagi Kami untuk mengumpulkannya dan memberi kamu (wahai Muhammad) kemampuan membacanya}. Bermaksud Allah s.w.t akan menjadikannya (Nabi) mengingat bahagian al-Quran yang diturunkan pada waktu itu dengan hati dan membacanya. Dalam ayat {Dan ketika kita telah membacanya (al-Quran) kepada kamu (wahai Muhammad melalui Jibril) maka kamu mengikuti bacaannya}. Bermaksud dengarkan dan diam. Dalam ayat {Kemudian bagi Kami (Allah) untuk menjelaskannya kepadamu}. Bermaksud Allah membuat kamu membacanya (al-Quran) dan makna yang jelas dengan sendirinya melalui lidahmu. Setelah itu, Rasulullah SAW biasa mendengarkan Jibril setiap kali dia datang dan setelah pergi dan baginda membacanya sebagaimana yang dibacakan oleh Jibril.

Dalam hadith di atas, menunjukkan perbuatan Rasulullah SAW suatu kesungguhan untuk menghafaz dengan segera. Allah s.w.t menasihati baginda agar berhenti daripada melakukan perkara tersebut, sebagaimana firman Allah dalam surah al-Qiyamah, ayat 16 hingga 18:

لَا تَحْرِكْ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ فَإِذَا قَرَأَهُ فَأَتَّبِعْ قُرْآنَهُ

**Terjemahan:** “Janganlah kamu menggerakkan lidahmu untuk membaca al-Quran kerana hendak cepat (dan terburu-buru untuk menguasainya). Sesungguhnya Kami yang akan mengumpulkannya (al-Quran) dan membuatmu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacakannya maka ikutilah bacaannya.”

Menurut Mohamad Marzuqi (2023) dalam memetik al-Dibba’ (1990) menyatakan sejak al-Quran diturunkan, Rasulullah SAW menerima dengan teliti ayat-ayat Allah yang disampaikan oleh malaikat Jibril lalu baginda menghafaznya dengan tekun tanpa lupa. Ayat-ayat yang tersemat kukuh dalam diri Rasulullah SAW kemudiannya disampaikan pula kepada para sahabat yang turut menghafaznya serta sebahagian sahabat baginda menuliskannya. Demikian al-Quran itu terpelihara daripada satu generasi kepada generasi umat ini yang berusaha menghafaznya dengan tekun tanpa mudah lupa (al-Habash, 1987). Implikasinya al-Quran terjamin daripada sebarang perubahan dan penyelewengan, sebagaimana firman Allah dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

**Terjemahan:** Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan al-Quran, dan Kami lah yang memelihara dan menjaganya.

Penghafazan al-Quran bukan sahaja merupakan satu cara untuk memelihara wahyu Allah tetapi juga satu bentuk ibadah yang tinggi nilainya. Mereka yang menghafaz Al-Quran mendapat tempat yang istimewa di sisi Allah SWT, sebagaimana disebutkan dalam hadis Rasulullah SAW:

الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ

**Terjemahan:** “Orang yang menghafal Al-Quran akan berada bersama para malaikat yang mulia dan taat.” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Selain itu, dalam firman Allah SWT surah al-Ankabut, ayat 49:

بَلْ هُوَ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ فِي صُدُورِ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ وَمَا يَجْحَدُ بِآيَاتِنَا إِلَّا الظَّالِمُونَ

**Terjemahan:** (Al-Quran tetap datangnya dari Allah dengan tidak syak lagi) bahkan ia ayat-ayat keterangan yang jelas nyata, yang terpelihara di dalam dada orang-orang yang berilmu; dan tiadalah yang mengingkari ayat-ayat keterangan Kami melainkan orang-orang yang zalim.

Tradisi menghafaz al-Quran diteruskan oleh para sahabat dalam menjadikan matlamat utama untuk memastikan wahyu terpelihara sebelum ia dibukukan. Sejak itu, hafazan al-Quran menjadi satu amalan yang amat dihormati dalam tradisi Islam. Dalam konteks pendidikan Islam di Malaysia, program hafazan telah berkembang pesat melalui penubuhan institusi tahfiz khusus dan sekolah arus perdana yang menawarkan program seperti Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Pendekatan ini menggabungkan hafazan al-Quran dengan kurikulum akademik kebangsaan, bertujuan melahirkan generasi Muslim yang seimbang dari segi ilmu duniawi dan ukhrawi, sebagaimana digariskan dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). DPTN menekankan pelaksanaan pendidikan tahfiz secara holistik yang memupuk kemahiran intelektual, sahsiah dan spiritual agar murid mampu mengintegrasikan ilmu al-Quran dengan keperluan semasa. Selain itu, pelaksanaan program TMUA turut disokong oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, yang menekankan aspirasi melahirkan murid berpengetahuan, berakhlak mulia dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Namun, pencapaian dalam hafazan tidak hanya dipengaruhi oleh kecerdasan kognitif, tetapi turut bergantung pada faktor psikologi, terutamanya motivasi intrinsik. Menurut Ryan dan Deci (2000) dalam teori *self-determination*, motivasi intrinsik ialah dorongan dalaman yang menggerakkan seseorang untuk bertindak berdasarkan minat, kepuasan dan keseronokan peribadi tanpa kebergantungan kepada ganjaran luaran. Kajian oleh Ahmad Rozaini et al. (2017) motivasi merupakan faktor penting dalam amalan pembelajaran hafazan al-Quran kepada murid. Amalan menghafaz al-Quran merupakan pembelajaran sendiri kerana faktor kemampuan dan kebolehan murid untuk menghafaz al-Quran adalah terletak kepada diri murid sendiri. Faktor luaran seperti guru, ibu bapa, cara belajar dan rakan dapat membantu murid untuk menghafaz dan menjaga hafazan murid. Walaupun demikian, amalan pembelajaran hafazan al-Quran ini masih terletak kepada diri murid sendiri. Oleh itu, pembelajaran hafazan al-Quran memerlukan motivasi yang tinggi bagi setiap murid untuk menghafaz al-Quran.

## **Latar Belakang Kajian**

Al-Quran adalah kitab petunjuk bagi seluruh umat manusia yang berperanan membimbing setiap Muslim untuk menjadi mukmin yang berakhlak mulia dalam masyarakat. Penurunan Al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW bertujuan menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi umat Islam, bukan sekadar mengajarkan bacaan al-Quran, tetapi juga untuk menghafaz, memahami, dan mengamalkan isinya. Firman Allah SWT dalam surah al-Qamar, ayat 17:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

**Terjemahan:** Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?

Ayat ini menjadi dalil bahawa Allah s.w.t sendiri memudahkan proses menghafaz dan mengingat al-Quran bagi sesiapa yang berusaha. Proses hafazan bukan sekadar amalan intelektual, tetapi juga ibadah yang menghubungkan hati dengan kalam Allah s.w.t. Menurut Shafee Salihin (2018), hafazan merupakan kaedah penting dalam mendalami ilmu Al-Quran, yang memerlukan ketajaman fikiran individu yang melakukannya. Begitu juga dengan dapatan kajian Yusri Chek dan Muhammad Toriq (2016) mendapati bahawa proses hafazan membantu memperkuat ingatan serta meningkatkan kecerdasan otak. Namun, bagi memastikan hafazan al-Quran kekal terpelihara, ia memerlukan penjagaan dan pengulangan secara konsisten agar tidak mudah dilupakan. Selain itu, Rasulullah SAW amat menekankan keperluan menjaga hafazan agar tidak dilupakan. Daripada Abu Musa r.a, Nabi s.a.w bersabda:

تَعَاهَدُوا الْقُرْآنَ فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَهُوَ أَشَدُّ تَفَصِيًّا مِنَ الْإِبِلِ فِي عُقْلِهَا

**Terjemahan:** Jagalah al-Quran. Demi Tuhan yang diriku di tangan Nya. Sesungguhnya al-Quran itu lebih laju larinya daripada unta yang terlepas dari talinya.  
(Riwayat al-Bukhari, kitab *fadhail al-Quran*, no. hadis 5033)

Hadis ini menunjukkan bahawa hafazan al-Quran perlu dijaga dengan pengulangan (*muraja'ah*) secara berterusan agar tidak hilang dari ingatan. Ketika sudah mencapai kesempurnaan dalam menghafaz, tidak cukup hanya berhenti di situ melainkan perlu terus memelihara hafazan yang telah susah payah dihafaz sebelumnya. Proses pengulangan ini dikenal sebagai metode *muraja'ah* (M. Ilyas, 2020). Siti Suriyani dan Ahmad Yunus (2018) memetik daripada al-Shabuni (1980), menyatakan bahawa Rasulullah sangat komited dalam menghafaz al-Quran. Bahkan kedua-dua kaki baginda bengkak kerana sering melakukan *qiamullail* dengan membaca al-Quran dalam solat sepanjang malam, sesuai dengan firman Allah dalam ayat 1 hingga 4, surah al-Muzammil.

يَا أَيُّهَا الْمَزْمُولُ فَمِ اللَّيْلِ إِلَّا قَلِيلًا نِصْفَهُ أَوْ أَنْقُصْ مِنْهُ قَلِيلًا أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

**Terjemahan:** Wahai orang yang berselimut! Bangunlah sembahyang Tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat). Iaitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu, Atau pun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah al-Quran dengan tartil. ”

Bagi memastikan hafazan kekal terpelihara, murid perlu mengamalkan disiplin mengulang, memahami makna, serta membaca dengan tadabbur sebagaimana yang diamalkan oleh para sahabat. Menurut Muhammad Ikmal Rezal et al. (2020), motivasi merupakan elemen utama yang mempengaruhi kehidupan kerana ia berkait rapat dengan tingkah laku, sikap, dan norma individu. Walaupun definisi motivasi berbeza mengikut perspektif pengkaji, secara umum ia merujuk kepada dorongan untuk bertindak bagi mencapai matlamat dan keinginan peribadi. Setiap individu mempunyai pendekatan tersendiri dalam melaksanakan tugas, di

mana tingkah laku kerja mereka lazimnya dipengaruhi oleh faktor motivasi yang secara langsung mempengaruhi hasil pencapaian.

Motivasi terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, dan amotivasi. Menurut Brown (2007), motivasi intrinsik merujuk kepada tindakan yang dilakukan semata-mata untuk memperoleh kepuasan diri tanpa dipengaruhi oleh ganjaran mahupun tekanan luar. Dalam konteks pembelajaran, motivasi intrinsik berkait rapat dengan matlamat dalaman murid serta minat yang mendalam terhadap sesuatu bidang ilmu. Faktor ini terbukti memberikan impak yang signifikan dalam meningkatkan kualiti hafazan al-Quran, di samping menyumbang kepada pencapaian akademik yang cemerlang.

Kepentingan motivasi ini turut mempengaruhi dalam konteks perkembangan pendidikan tahfiz di Malaysia. Pendidikan tahfiz bukan sahaja bertujuan melahirkan generasi muda yang mahir menghafaz al-Quran, tetapi juga memastikan mereka memahami, menghayati, dan mengamalkan ajarannya. Kajian mendapati bahawa institusi pendidikan tahfiz di Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan yang ketara, mencerminkan peningkatan min masyarakat terhadap pendidikan berteraskan al-Quran. Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (2021) yang diperkenalkan kerajaan bertujuan memperkukuh sistem pengajian tahfiz secara formal dan mengintegrasikan aspek hafazan al-Quran dengan kurikulum arus perdana. Pelaksanaan program seperti Kurikulum Bersepadu Tahfiz melalui (SPI KPM Bil. 10/2023) menunjukkan komitmen KPM dalam memastikan institusi tahfiz bukan hanya tumpuan kepada hafazan semata-mata, tetapi juga terhadap pembangunan holistik murid. Dengan wujudnya dasar dan garis panduan rasmi, impaknya adalah pendidikan tahfiz menjadi pilihan utama ibu bapa sebagai laluan pembentukan masa depan anak, menekankan bahawa tahfiz bukan sekadar hafaz tetapi pembentukan nilai, ilmu dan akhlak.

Dalam konteks ini, Sekolah Menengah Agama Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) berperanan sebagai sebuah institusi yang menggabungkan motivasi intrinsik dengan pendekatan pendidikan holistik. Model ini tidak hanya memberi penekanan kepada hafazan al-Qur'an, tetapi juga menyokong pencapaian akademik dan pembinaan akhlak. Persekitaran pembelajaran yang kondusif, bersama sokongan guru-guru berpengalaman, diyakini mampu memperkukuh perkembangan intelektual, spiritual dan emosi murid. Walau bagaimanapun, cabaran utama yang dihadapi ialah mengekalkan motivasi intrinsik murid sepanjang proses hafazan. Motivasi intrinsik yang tinggi memberi dorongan kepada murid untuk mencapai hafazan yang lebih bermutu, konsisten dan berkesan, sementara ketiadaannya boleh menjejaskan prestasi hafazan dan juga akademik. Dalam hal ini, kajian Hayati Hussin et al. (2021) mendapati bahawa murid tahfiz yang mempunyai dorongan dalaman (seperti keikhlasan, kesungguhan dan penghargaan terhadap al-Qur'an) lebih cenderung untuk mengekalkan hafazan mereka dalam jangka masa panjang.

Ia selari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Salah satu objektif PPPM 2013-2025 adalah melahirkan murid yang holistik iaitu membina potensi dalam aspek intelektual, rohani, emosi dan sahsiah. Kesenambungan antara motivasi dalaman, pelaksanaan pendidikan tahfiz di SMKA TMUA serta pendekatan holistik sekolah menunjukkan bahawa mengekalkan motivasi intrinsik adalah kunci utama dalam usaha melahirkan generasi muda yang bukan sahaja cemerlang dalam hafazan dan akademik, tetapi juga berakhlak mulia. Dengan komitmen berterusan, pendidikan tahfiz di Malaysia diharapkan terus berkembang sebagai kerangka pendidikan agama dan spiritual yang kukuh untuk generasi masa depan.

## **Pernyataan Masalah**

Walaupun pendidikan tahfiz telah lama menjadi sebahagian penting dalam sistem pendidikan Islam, pelbagai kajian menunjukkan wujudnya cabaran dalam memastikan hafazan yang berkualiti dapat dikekalkan. Kajian Ahmad Rozaini et al. (2017) terhadap murid tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) seluruh negara mendapati tahap motivasi dalam amalan hafazan al-Quran berada pada skor min sederhana (min=3.64). Hanya 46.8% murid menghafaz al-Quran tanpa paksaan, menunjukkan sebahagian murid melakukannya dalam keadaan terpaksa atau tanpa minat mendalam. Hal ini membimbangkan kerana motivasi adalah faktor penting yang mendorong murid untuk menghafaz, meskipun tiada ganjaran material berbanding subjek akademik lain.

Kajian Wan Khalijah et al. (2020) mendapati bahawa antara penyebab ramai dalam kalangan para hafiz al-Quran melupai ayat yang telah dihafal adalah kerana tiada motivasi yang tinggi, bersikap sambil lewa dan tidak mampu mengurus masa dengan baik. Begitu juga kajian Meirani Agustina, Ngadri Yusro dan Syaiful Bahri (2020) mendapati bahawa minat untuk menghafaz al-Quran berada pada tahap yang rendah. Minat tersebut dipengaruhi oleh faktor internal dan faktor eksternal. Faktor internal itu adalah semua faktor yang berasal dari dalam diri individu itu sendiri. Antara faktor-faktor internal yang diperoleh adalah malas dan kurangnya motivasi untuk menghafal al-Quran.

Ini menunjukkan wujud jurang pengetahuan dalam memahami peranan motivasi intrinsik terhadap kualiti hafazan al-Quran. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan dengan tiga tujuan utama, iaitu mengenal pasti tahap motivasi intrinsik murid tahfiz, mengenal pasti tahap kualiti hafazan mereka, serta menilai hubungan signifikan antara motivasi intrinsik dan kualiti hafazan al-Quran. Melalui pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungan ini, diharapkan usaha meningkatkan mutu pendidikan tahfiz dapat dirancang secara lebih berkesan, sekali gus memastikan hafazan yang dipelajari dapat dikekalkan dalam jangka masa panjang.

## **Tinjauan Literatur**

Sorotan literatur kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa motivasi merupakan komponen kritikal dalam pencapaian dan pemeliharaan hafazan al-Quran, sama ada di institusi tahfiz mahupun dalam program pengajian Qiraat. Dapatan kajian terdahulu secara konsisten melaporkan bahawa motivasi intrinsik dan ekstrinsik berfungsi secara saling melengkapi, dan kedua-duanya diperlukan bagi mewujudkan komitmen hafazan yang berterusan.

Dari sudut motivasi ekstrinsik, kajian Nor Hashimah Ahmad Shukri dan Khadijah Abdul Razak (2020) membuktikan bahawa sokongan guru berada pada tahap sederhana tetapi tetap signifikan dalam menggerakkan motivasi murid. Penemuan ini disokong oleh kajian Yahaya dan Rashed (2018) yang menunjukkan bahawa majoriti murid mampu mencapai prestasi hafazan yang tinggi dengan bimbingan guru, meskipun amalan pedagogi hafazan masih perlu dipertingkatkan. Kajian Hayati Hussin et al. (2023) turut mengukuhkan dapatan ini apabila motivasi ekstrinsik pelajar bidang pengajian Qiraat USIM direkodkan pada tahap sederhana tinggi, sekali gus menegaskan peranan sokongan institusi, pengiktirafan dan ganjaran sebagai pemangkin kepada kestabilan hafazan.

Dari perspektif motivasi intrinsik, literatur menekankan peranan faktor dalaman seperti keikhlasan, penghayatan dan keterikatan emosi terhadap al-Quran. Kajian Hayati Hussin et al. (2021) menunjukkan bahawa kelemahan dalam mengekalkan kekerapan ulangan, dengan

majoriti pelajar mengulang kurang daripada lima juzuk seminggu dan mencerminkan cabaran motivasi dalaman yang perlu ditangani. Keperluan kepada motivasi intrinsik yang mantap menjadi asas kepada istiqamah pelajar dalam mengekalkan hafazan sehingga ke peringkat dewasa dan sepanjang hayat.

Dalam konteks institusi pendidikan menengah, kajian Ahmad Rozaini et al. (2020) menunjukkan bahawa tahap motivasi murid berada pada aras tinggi, sekali gus mengesahkan bahawa kedua-dua dimensi motivasi mempunyai hubungan rapat dengan daya usaha, disiplin ulangan, dan pencapaian hafazan. Secara keseluruhannya, dapatan literatur menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar berada pada lingkungan sederhana hingga tinggi, namun memerlukan intervensi yang sistematik dan berterusan. Pemupukan motivasi dalaman melalui penghayatan al-Quran, disokong dengan rangsangan luaran melalui bimbingan guru, struktur institusi dan pengiktirafan, adalah penting bagi memperkukuh proses hafazan dan memastikan murid sebagai penjaga al-Quran.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Data dikumpul dengan menggunakan instrumen set soal selidik yang mengandungi bahagian demografi, konstruk tahap motivasi intrinsik dalam kalangan murid tahfiz dan konstruk tahap kualiti hafazan murid. Kajian menggunakan kaedah persampelan rawak berkelompok dalam memilih responden berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970). Data dikumpul melalui edaran soal selidik. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Science* (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan nilai min dan korelasi. Analisis deskriptif dijalankan dengan menggunakan interpretasi skor min bagi menunjukkan tahap setuju yang tinggi dengan purata nilai min 3.67 hingga 5.00, tahap sederhana dengan purata nilai min 2.34 hingga 3.66 dan tahap rendah dengan purata nilai min 1.00 hingga 2.33. Purata nilai min dapat dilihat dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Interpretasi Skor Min

| <b>Skor Min</b> | <b>Interpretasi Min</b> |
|-----------------|-------------------------|
| 1.00 - 1.50     | Sangat Rendah           |
| 1.51- 2.50      | Rendah                  |
| 2.51- 3.50      | Sederhana               |
| 3.51- 4.50      | Tinggi                  |
| 4.51-5.00       | Sangat Tinggi           |

Sumber: Adaptasi daripada Mohd Asri Harun et al. (2016)

Kaedah analisis data menggunakan min dan peratus untuk mengira hasil dapatan. Huraian analisis deskriptif dalam kajian ini menggunakan interpretasi min. Semakin tinggi nilai min, maka semakin tinggi interpretasi bagi sesuatu isu yang dikaji, seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Analisis data melibatkan statistik deskriptif (min, sisihan piawai) untuk mengukur tahap motivasi intrinsik dan tahap kualiti hafazan murid, serta analisis inferensi menggunakan ujian korelasi Pearson bagi menentukan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ini diperoleh melalui kajian rintis yang menunjukkan nilai Cronbach's Alpha keseluruhan ialah 0.825, menepati tahap kebolehpercayaan yang baik (>0.60).



## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### (a) Demografi Responden

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut jantina dan juzuk *muraja'ah* terkini. Seramai 97 orang murid tingkatan 4 terlibat dalam kajian ini, terdiri daripada 49 murid lelaki (50.5%) dan 48 murid perempuan (49.5%). Majoriti responden (55.7%) berada pada tahap *murajaah* juzuk 21 hingga 30.

**Jadual 2:** Demografi Responden

| Kategori                          | Sub Kategori  | Kekerapan | Peratusan (%) |
|-----------------------------------|---------------|-----------|---------------|
| Jantina                           | Lelaki        | 49        | 50.5          |
|                                   | Perempuan     | 48        | 49.5          |
|                                   | <b>Jumlah</b> | <b>97</b> | <b>100.0</b>  |
| Juzuk <i>Muraja'ah</i><br>Terkini | 1-10 Juzuk    | 18        | 18.6          |
|                                   | 11-20 Juzuk   | 25        | 25.8          |
|                                   | 21-30 Juzuk   | 54        | 55.7          |
|                                   | <b>Jumlah</b> | <b>97</b> | <b>100.0</b>  |

### (b) Tahap Motivasi Intrinsik

Jadual 2 menunjukkan purata min tahap motivasi intrinsik responden di tahap sangat tinggi (min=4.65). Item tertinggi ialah item (B2) “Saya merasa puas hati apabila dapat menghafal ayat-ayat al-Quran dengan lancar” (min=4.81, s.p=0.39), manakala item terendah ialah item (B8) “Saya jelas tentang matlamat pencapaian yang saya sasarkan dalam hafazan saya” (min=4.41, s.p=0.72).

Item lain yang memperoleh skor min tinggi termasuk item (B10), “Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk menghafal al-Quran kerana saya percaya ia akan memberi manfaat kepada saya di dunia dan akhirat” (min=4.75, s.p=0.43), item (B7), “Saya lebih bersemangat untuk menghafal al-Quran apabila saya dapat merasakan perubahan positif dalam hidup saya” (min=4.73, s.p=0.47), dan item (B9) “Saya merasa lebih tenang dan damai apabila menghafal al-Quran” (min=4.73, s.p=0.47), item (B5), “Saya menghafal al-Quran kerana ia memberi kepuasan dalaman dan bukan untuk mendapat pujian daripada orang lain” (min=4.65, s.p=0.50), item (B6), “Saya berasa bangga apabila dapat menghafal lebih banyak ayat al-Quran” (min=4.65, s.p=0.56), item (B3), “Saya merasa teruja setiap kali dapat menghafaz surah baru dalam al-Quran” (min=4.61, s.p=0.57), item (B4), “Menghafal al-Quran adalah sesuatu yang saya nikmati dan sukai” (min=4.59, s.p=0.55), item (B1), “Saya belajar menghafal al-Quran kerana saya ingin lebih mendekatkan diri kepada Allah” (min=4.55, s.p=0.56), dan item (B8), “Saya jelas tentang matlamat pencapaian yang saya sasarkan dalam hafazan saya” (min=4.41, s.p=0.72).

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan tahap motivasi intrinsik dalam kalangan responden berada pada tahap tinggi (min=4.65). Hal ini menunjukkan bahawa murid mempunyai motivasi dalaman yang kuat dalam usaha menghafal al-Quran, terutama dalam aspek kepuasan dalaman, ketenangan, keterujaan dan kesungguhan mereka. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Norazura Ariffin dan Malyanah Solehah (2024) yang mendapati faktor motivasi intrinsik seperti minat dalaman, keseronokan dan tanggungjawab peribadi mempunyai korelasi yang kuat dengan kualiti *muraja'ah* hafazan di kalangan murid tahfiz diploma. Kajian mereka menunjukkan bahawa apabila murid mempunyai dorongan dalaman yang kukuh, mereka lebih gigih melakukan *muraja'ah*, dan ini membawa kepada hafazan yang

lebih mantap dan berkualiti. Motivasi tinggi murid sering berkait rapat dengan pencapaian prestasi, di mana murid bermotivasi lebih cenderung untuk mengatasi cabaran dengan kesedaran dan usaha sendiri. Bandura et al. (1969) mendapati bahawa motivasi yang tinggi mendorong murid mencapai pencapaian yang cemerlang, sejajar dengan dapatan Azizi Yahaya, Yusuf Boon, dan Kamaliah Noordin (2005), yang menunjukkan bahawa murid dengan motivasi tinggi tanpa mengira sama ada intrinsik atau ekstrinsik berjaya memperoleh keputusan cemerlang.

**Jadual 3:** Tahap Motivasi Intrinsik Responden

| Bil | Item                                                                                                             | Kekerapan & Peratus |    |          |            |            | Min  | Sisihan<br>Piawai |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|----|----------|------------|------------|------|-------------------|
|     |                                                                                                                  | STS                 | TS | KS       | S          | SS         |      |                   |
| B1  | Saya belajar menghafal al-Quran kerana saya ingin lebih mendekatkan diri kepada Allah.                           |                     |    | 3<br>3.1 | 38<br>39.2 | 56<br>57.7 | 4.55 | 0.56              |
| B2  | Saya merasa puas hati apabila dapat menghafal ayat-ayat al-Quran dengan lancar.                                  |                     |    |          | 18<br>18.6 | 79<br>81.4 | 4.81 | 0.39              |
| B3  | Saya merasa teruja setiap kali dapat menghafaz surah baru dalam al-Quran.                                        |                     |    | 4<br>4.1 | 30<br>30.9 | 63<br>64.9 | 4.61 | 0.57              |
| B4  | Menghafal al-Quran adalah sesuatu yang saya nikmati dan sukai.                                                   |                     |    | 3<br>3.1 | 34<br>35.1 | 60<br>61.9 | 4.59 | 0.55              |
| B5  | Saya menghafal al-Quran kerana ia memberi kepuasan dalaman dan bukan untuk mendapat pujian daripada orang lain.  |                     |    | 1<br>1.0 | 32<br>33.0 | 64<br>66.0 | 4.65 | 0.50              |
| B6  | Saya berasa bangga apabila dapat menghafal lebih banyak ayat al-Quran.                                           |                     |    | 4<br>4.1 | 26<br>26.8 | 67<br>69.1 | 4.65 | 0.56              |
| B7  | Saya lebih bersemangat untuk menghafal al-Quran apabila saya dapat merasakan perubahan positif dalam hidup saya. |                     |    | 1<br>1.0 | 24<br>24.7 | 72<br>74.2 | 4.73 | 0.47              |

*bersambung*

|                                |                                                                                                                                           |          |          |            |            |      |      |
|--------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|----------|------------|------------|------|------|
| B8                             | Saya jelas tentang matlamat pencapaian yang saya sasarkan dalam hafazan saya.                                                             | 2<br>2.1 | 7<br>7.2 | 37<br>38.1 | 51<br>52.6 | 4.41 | 0.72 |
| B9                             | Saya merasa lebih tenang dan damai apabila menghafal al-Quran.                                                                            |          | 1<br>1.0 | 24<br>24.7 | 72<br>74.2 | 4.73 | 0.47 |
| B10                            | Saya berusaha bersungguh – sungguh untuk menghafal al-Quran kerana saya percaya ia akan memberi manfaat kepada saya di dunia dan akhirat. |          |          | 24<br>24.7 | 73<br>75.3 | 4.75 | 0.43 |
| <b>Nilai purata min = 4.65</b> |                                                                                                                                           |          |          |            |            |      |      |

### (c) Tahap Kualiti Hafazan Responden

Berdasarkan Jadual 4, analisis menunjukkan purata skor min tahap kualiti hafazan responden di tahap tinggi (min=3.72). Item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah item (C10), iaitu “kualiti hafazan saya sentiasa meningkat melalui latihan dan pengulangan yang berterusan” (min=4.36, s.p=0.68), manakala item yang memperoleh nilai min terendah ialah item (C3), iaitu “saya dapat mengulang hafazan dengan lancar tanpa banyak rujukan kepada mushaf” (min=3.39, s.p=0.78).

Dari segi kekerapan dan peratus, item (C10) menunjukkan majoriti responden (90 orang, 92.8%) bersetuju atau sangat bersetuju bahawa kualiti hafazan mereka sentiasa meningkat melalui latihan dan pengulangan berterusan. Hanya 7 orang responden (7.2%) tidak bersetuju atau kurang setuju dengan item ini. Item kedua tertinggi ialah item (C7), “Saya dapat menghafal al-Quran dengan betul mengikut tajwid dan *makhraj* yang tepat” (min=3.93, s.p=0.74). Item yang memperoleh min di tahap sederhana tinggi ialah item (C5), “saya dapat mengingati surah atau ayat al-Quran yang telah saya hafal walaupun selepas beberapa waktu” (min=3.75, s.p=0.84), dan item (C9), “saya dapat memperbaiki dan mengulang hafazan saya tanpa banyak kesulitan” (min=3.78, s.p=0.75).

Selain itu, item yang memperoleh nilai min sederhana tinggi ialah item (C1), “saya dapat menghafal al-Quran dengan baik dan tidak mudah lupa setelah menghafalnya” (min=3.56, s.p=0.68), item (C2), “saya dapat menghafal ayat-ayat al-Quran dalam masa yang singkat tanpa kesulitan” (min=3.62, s.p=0.86), item (C4), “saya mampu menghafal ayat al-Quran dengan baik meskipun terdapat gangguan atau cabaran” (min=3.65, s.p=0.84), item (C6), “saya merasa yakin dengan kualiti hafazan saya dan tidak sering membuat kesilapan semasa menghafal” (min=3.57, s.p=0.91), dan item (C8), “saya dapat menguasai hafazan baru dengan mudah dan menyambungkannya dengan hafazan lama” (min=3.62, s.p=0.71).

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan tahap kualiti hafazan dalam kalangan responden tahfiz berada pada purata min di tahap tinggi (min=3.72, s.p=0.55). Hal ini disebabkan beberapa item masih menunjukkan cabaran dalam pengulangan hafazan tanpa rujukan, sementara item berkaitan latihan berterusan dan pengulangan menunjukkan prestasi yang lebih tinggi. Ini bertepatan dengan dapatan kajian Hayati Hussin et al. (2023) berkaitan

pengulangan dibuat oleh penghafaz al-Qur'an untuk mengekal dan mengukuhkannya dalam ingatan agar tidak luput dari ingatan. Semakin banyak mereka mengulang bacaan, lebih mudah untuk menghafaz dan dapat mengucapkannya kembali tanpa tersekat. Hal ini menunjukkan latihan dan pengulangan ini adalah aktiviti yang dipersetujui oleh majoriti responden bagi memperkukuhkan kualiti hafazan. Oleh itu, kajian ini memberikan gambaran bahawa usaha untuk meningkatkan kualiti hafazan al-Quran perlu diseimbangkan dengan pendekatan yang lebih menyokong, bagi memastikan tahap ini tidak menurun dan mampu ditingkatkan pada masa hadapan

**Jadual 3:** Tahap Kualiti Hafazan Responden

| Bil | Item                                                                                                 | Kekerapan & Peratus |          |            |            |            | Min  | Sisihan Piawai |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|----------|------------|------------|------------|------|----------------|
|     |                                                                                                      | STS                 | TS       | KS         | S          | SS         |      |                |
| C1  | Saya dapat menghafal al-Quran dengan baik dan tidak mudah lupa setelah menghafalnya.                 |                     | 4<br>4.1 | 41<br>42.3 | 46<br>47.4 | 6<br>6.2   | 3.56 | 0.68           |
| C2  | Saya dapat menghafal ayat-ayat al-Quran dalam masa yang singkat tanpa kesulitan.                     | 2<br>2.1            | 3<br>3.1 | 40<br>41.2 | 37<br>38.1 | 15<br>15.5 | 3.62 | 0.86           |
| C3  | Saya dapat mengulang hafazan dengan lancar tanpa banyak rujukan kepada mushaf.                       | 1<br>1.0            | 8<br>8.2 | 47<br>48.5 | 34<br>35.1 | 7<br>7.2   | 3.39 | 0.78           |
| C4  | Saya mampu menghafal ayat al-Quran dengan baik meskipun terdapat gangguan atau cabaran.              |                     | 7<br>7.2 | 36<br>37.1 | 38<br>39.2 | 16<br>16.5 | 3.65 | 0.84           |
| C5  | Saya dapat mengingat surah atau ayat al-Quran yang telah saya hafal walaupun selepas beberapa waktu. | 2<br>2.1            | 4<br>4.1 | 25<br>25.8 | 51<br>52.6 | 15<br>15.5 | 3.75 | 0.84           |
| C6  | Saya merasa yakin dengan kualiti hafazan saya dan tidak sering membuat kesilapan semasa menghafal.   | 3<br>3.1            | 7<br>7.2 | 31<br>32.0 | 44<br>45.4 | 12<br>12.4 | 3.57 | 0.91           |

*bersambung*

|     |                                                                                           |          |            |            |            |      |      |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------|----------|------------|------------|------------|------|------|
| C7  | Saya dapat menghafal al-Quran dengan betul mengikut tajwid dan <i>makhraj</i> yang tepat. | 5<br>5.2 | 15<br>15.5 | 59<br>60.8 | 18<br>18.6 | 3.93 | 0.74 |
| C8  | Saya dapat menguasai hafazan baru dengan mudah dan menyambungkannya dengan hafazan lama.  | 3<br>3.1 | 41<br>42.3 | 43<br>44.3 | 10<br>10.3 | 3.62 | 0.71 |
| C9  | Saya dapat memperbaiki dan mengulang hafazan saya tanpa banyak kesulitan.                 | 2<br>2.1 | 34<br>35.1 | 44<br>45.4 | 17<br>17.5 | 3.78 | 0.75 |
| C10 | Kualiti hafazan saya sentiasa meningkat melalui latihan dan pengulangan yang berterusan.  | 2<br>2.1 | 5<br>5.2   | 46<br>47.4 | 44<br>45.4 | 4.36 | 0.68 |

---

**Purata nilai min = 3.72**

---

#### (d) Hubungan antara Motivasi Intrinsik dengan Kualiti Hafazan Responden

Bagi membincangkan analisis hubungan, ujian Korelasi Pearson digunakan untuk mengenalpasti hubungan antara dua pembolehubah, arah hubungan dan kekuatan hubungan. Pembolehubah tersebut adalah hubungan antara tahap motivasi intrinsik dengan tahap kualiti hafazan dalam kalangan responden. Analisis inferensi ini telah dilakukan bagi menjawab persoalan kajian ketiga dalam kajian ini. Perbincangan dapatan inferens dibuat berdasarkan hipotesis yang telah dinyatakan dalam persoalan kajian. Demikian, penyelidik merujuk kepada tafsiran nilai pekali korelasi yang telah dirumuskan oleh Davies (1971). Jadual 5 menunjukkan hubungan tahap motivasi intrinsik dengan tahap kualiti hafazan dalam kalangan responden.

**Jadual 5:** Korelasi Motivasi Intrinsik dengan Tahap Kualiti Hafazan Responden

| Pemboleh ubah            | N  | R       | Sig.P |
|--------------------------|----|---------|-------|
| Tahap Motivasi Intrinsik | 97 | 0.537** | 0.00  |
| Tahap Kualiti Hafazan    |    |         |       |

\*\*Korelasi adalah signifikan pada aras  $p < 0.01$

Berdasarkan Jadual 5, ujian korelasi menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara korelasi antara tahap motivasi intrinsik dengan tahap kualiti hafazan dalam kalangan responden. Secara keseluruhannya hasil analisis menunjukkan hubungan berada pada

tahap kekuatan yang tinggi ( $r=0.537$ ) dan tahap signifikan ( $p=0.00<0.05$ ). Nilai signifikan adalah pada tahap 0.000 iaitu lebih kecil daripada 0.01 menunjukkan terdapat perkaitan antara kedua-dua pembolehubah. Oleh yang demikian, kajian ini mendapati bahawa tahap motivasi intrinsik mempengaruhi tahap kualiti hafazan.

Dapatan ini juga selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Hayati Hussin et al. (2021) mendapati motivasi adalah tingkah laku individu dalam melaksanakan keinginan dan tujuan mereka sendiri. Motivasi dianggap sebagai cara-cara seseorang individu dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan tugas. Setiap individu mempunyai cara tersendiri dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Cara dan tingkah laku dalam melakukan sesuatu pekerjaan sering dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti faktor motivasi dan seterusnya mempengaruhi hasil daripada pekerjaan tersebut. Khususnya, kajian ini menunjukkan bahawa motivasi yang tinggi meningkat dari dalam diri murid, turut memberi impak positif terhadap prestasi mereka dalam pelbagai bidang, termasuk hafazan al-Quran. Dengan kata lain, murid yang didorong oleh motivasi intrinsik yang kuat, seperti keinginan untuk mendalami ilmu agama dan mencapai kebahagiaan rohani, lebih cenderung untuk mencapai kejayaan yang lebih baik dalam hafazan al-Quran. Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan bahawa motivasi intrinsik adalah faktor yang signifikan dalam meningkatkan kualiti hafazan murid tahfiz, sekali gus memberi sumbangan kepada kejayaan mereka dalam mempelajari al-Quran.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid tahfiz memiliki tahap motivasi intrinsik yang tinggi, di mana mereka digerakkan oleh dorongan dalaman untuk mendalami al-Quran, merasai kepuasan apabila dapat menghafal dengan lancar, serta keterujaan setiap kali berjaya menguasai surah baharu. Motivasi ini turut dipengaruhi oleh matlamat hafazan yang jelas dan keyakinan bahawa hafazan memberikan manfaat duniawi dan ukhrawi. Keupayaan murid untuk terlibat aktif dalam proses hafazan tanpa mengharapkan ganjaran luaran menggambarkan bahawa motivasi intrinsik memainkan peranan penting dalam mengekalkan kesungguhan dan konsistensi mereka. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tahap kualiti hafazan dalam kalangan murid adalah baik, dengan majoriti responden bersetuju bahawa latihan dan pengulangan berterusan meningkatkan penguasaan hafazan. Menurut Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma (2013), motivasi sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat menentukan hala tuju dan keberkesannya. Murid yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat dan mantap untuk terus berminat dengan apa yang disampaikan hasil dari rangsangan-rangsangan yang kuat.

Walaupun terdapat beberapa cabaran, seperti kesukaran mengulang hafazan tanpa merujuk mushaf atau mudah lupa selepas menghafal, amalan berulang secara berstruktur terbukti menjadi pendekatan yang berkesan untuk mengekalkan hafazan dan meningkatkan kualiti bacaan. Lebih menarik lagi, analisis korelasi menunjukkan hubungan yang signifikan dan kukuh antara motivasi intrinsik dan kualiti hafazan, di mana murid yang didorong oleh motivasi dalaman yang tinggi cenderung mencapai penguasaan hafazan yang lebih baik. Dapatan ini menekankan bahawa motivasi intrinsik bukan sahaja menjadi pemangkin kepada pencapaian hafazan yang cemerlang, tetapi juga menyumbang kepada pembentukan *huffaz* yang *istiqamah* dan berdisiplin dalam pengajian al-Quran. Keseluruhan penemuan ini menggariskan bahawa usaha berterusan dalam memupuk motivasi dalaman dan menyediakan latihan yang konsisten adalah elemen penting dalam meningkatkan prestasi hafazan, seterusnya memastikan murid tahfiz mencapai kecemerlangan akademik dan rohani secara serentak.

## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan tahap motivasi intrinsik dan kualiti hafazan responden di tahap yang positif. Tahap kualiti hafazan pula berada pada aras sederhana tinggi hingga tinggi, dengan latihan berterusan dan *muraja'ah* berstruktur menjadi faktor penting dalam mengekalkan hafazan. Analisis korelasi membuktikan adanya hubungan yang signifikan dan kukuh antara motivasi intrinsik dan kualiti hafazan ( $r = 0.537$ ,  $p < 0.01$ ), menunjukkan bahawa dorongan dalaman memberi kesan langsung terhadap prestasi hafazan responden. Kajian ini menegaskan bahawa pemupukan motivasi intrinsik perlu diberi perhatian utama oleh institusi tahfiz melalui bimbingan berterusan, sokongan moral, dan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Intervensi yang menekankan pembinaan kesedaran diri, minat mendalam terhadap al-Quran, dan disiplin *muraja'ah* akan membantu meningkatkan kualiti hafazan. Oleh itu, kajian berkaitan pendekatan pedagogi inovatif dan intervensi psikologi motivasi perlu diterokai bagi menyokong peningkatan prestasi hafazan dan menilai kesannya dalam jangka panjang terhadap pembangunan akademik dan kerohanian murid tahfiz di Malaysia.

## Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Negeri Sembilan yang memberikan sokongan dan kerjasama sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

## Rujukan

- Abdul Hafiz Haji Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman et al. (2005). Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. Laporan Penyelidikan. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, UTM.
- Ahmad Rozaini Ali Hasan et al. (2017). Faktor Motivasi dalam Amalan Pembelajaran Hafazan Al-Quran. *Jurnal Perspektif*: Special Issue 1, 13-20.
- Azizi Yahaya, Yusuf Boon & Kamaliah Noordin (2005). Hubungan antara Konsep Kendiri. Motivasi dan Gaya Keibubapaan dengan Pencapaian Pelajar. Prosiding Persidangan Kebangsaan Motivasi dan Pembelajaran. Fakulti Pendidikan, UTM Skudai, Johor.
- Bandura, A. (1969). *Social Learning Theory*. New York: General Learning Press.
- Brown, H. D. (2007). *Principles of Language Learning and Teaching*. (5th ed.). New York: Pearson Education.
- Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (n.d.) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Davies, J. A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Hayati Hussin et al. (2023). Motivasi Ekstrinsik: Analisis Terhadap Cabaran Mengekalkan Hafazan AlQuran dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pengajian Qiraat USIM. *Jurnal Qiraat* 6(2) 73-83.
- Hayati Hussin, Abdul Rahim Ahmad & Muhammad Hafiz Saleh (2021). Motivasi Intrinsik: Isu Dan Cabaran Dalam Mengekalkan Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar USIM. *Jurnal Qiraat*, 4(2)75-83.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2023). Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 10. Garis panduan pengurusan dan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (SPI KPM Bil.10/2023).
- M. Ilyas. (2020). Metode *Muraja'ah* dalam Menjaga Hafalan Al-Qur'an. *Al-Liqo: Jurnal Pendidikan Islam*. 5(1) 1-24.
- Meirani Agustina, Ngadri Yusro & Syaiful Bahri. (2020). Strategi Peningkatan Minat Menghafal Al-Qur'an Santri di Pondok Pesantren Ar-Rahmah Curup. *Jurnal Kependidikan*, 14(1). 9-20.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim (2023). *Muraja'ah* Hafazan al-Quran di antara Tanggungjawab atau Beban. Laman sesawang Jabatan Mufti Perak. [https://mufti.perak.gov.my/images/minda\\_mufti/2023/artikel/Murajaah.pdf](https://mufti.perak.gov.my/images/minda_mufti/2023/artikel/Murajaah.pdf)
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid, & Kartini Abd Wahab. 2016. Melahirkan Warga yang Berketerampilan Bahasa: Kajian Hubungan antara Pengetahuan dengan Amalan Komunikatif dalam kalangan Guru Bahasa Melayu. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 32–45.
- Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad, Nor Kamariah Kamaruddin. (2020). Hubungan Antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik dengan Pencapaian Akademik Pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan. Dlm. Kajian Kes di Malaysia. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 45-52.
- Muhammad Syafee Salihin, Ikmal Zaidi Hashim, Nik Mohd Nabil Nik Hanafi et al. (2018). Penghayatan *Muraja'ah* al-Quran dalam kalangan Pelajar Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018). <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wpcontent/uploads/2018/09/full-paper-irmic-18syafee-salihin.pdf>
- Muhammad Toriq Yaacob & Abdul Razak Mohd Zain. (2018). *Perkembangan Tahfiz Al-Quran: Suatu Kajian di Darul Quran*. Kuala Kubu Bharu, Selangor: Darul Quran, JAKIM.
- Nafi, N. M., Mokhtar, W. KA. W., Imas, M. M. (2019). The Holy Quran Memorization in the Globalization Era. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(11), 588-596.
- Nor Hashimah Ahmad Shukri, Khadijah Abdul Razak (2020). Faktor Motivasi Pelajar dalam Pengukuhan Hafazan Al-Quran di Kota Bharu. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(3) 32-40
- Norazura Ariffin & Malyanah Solehah Mohamad Shukor (2024). Intrinsic And Extrinsic Motivation Factors in Predicting the *Muraja'ah* Hafazan of Tahfiz Al-Qur'an Diploma Students at Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (Kitab) Pulau Pinang. *Malaysia Online Journal of Psychology and Counselling*, 11(2), 25–33.
- Siti Suriyani Sulaiman & Ahmad Yunus Kassim. (2018). Pelaksanaan Hafazan dalam Program Ulul Albab Berdasarkan Jantina dan Kumpulan. *Indonesia Journal of Learning Education and Counseling*. 1(1) 1-10.
- Siti Suriyani Sulaiman. (2018). Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*. 2(1) 44-59.
- Wan Khalijah Wan Jusoh, Mohd A'Tarahim Mohd Razali et al. (2020). Cabaran Pemantapan Hafalan Al-Quran dalam Kalangan Para Hafiz Al-Quran: Satu Kajian Literatur. *Jurnal KIAS* 13(1) 1-10.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2013). Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia Social and Behavioral Science*. 134. 408-415.